

Unit Multimedia



Mula ditubuhkan sebagai Bahagian Multimedia pada tahun 2005 dan beroperasi dengan 3 orang tenaga kerja diketuai oleh Prof. Dr. Ismail Abdullah. Pada awal operasinya, Bahagian Multimedia ditempatkan di Tingkat 9, Bangunan KWSP.

Pada Januari 2006, Bahagian Multimedia telah dengan rasminya dinaiktarafkan menjadi Unit Multimedia diketuai oleh Prof. Dr. Ismail Abdullah yang bertindak sebagai Penyelaras unit yang pertama. Selaras dengan naiktaraf tersebut, Unit Multimedia beroperasi dengan tambahan 5 orang staf baru dan peralatan baru yang canggih. Antara kejayaan yang paling bermakna ialah Unit Multimedia mampu mengendalikan sistem MCP semasa Istiadat Konvokesyen UniMAP 2009 dengan menggunakan peralatan, kepakaran dan staf sendiri.



Pada 15 September 2009, pentadbiran Unit Multimedia menerima pelantikan En. Mohamad Ezral Baharudin sebagai Penyelaras Unit Multimedia bagi menggantikan Prof. Dr. Ismail yang telah tamat kontrak. Sejak jaya dengan pelantikan penyelaras baru ini, Unit Multimedia juga telah berpindah ke pejabat baru yang lebih selesa di Taman Pertiwi Indah, Seriab.

FUNGSI UNIT MULTIMEDIA

- Menyedia kemudahan multimedia kepada Universiti
- Menyedia perkhidmatan dokumentasi dan informasi secara bersepada.
- Menjadi sumber rujukan maklumat multimedia
- Menjadi pemangkin maklumat dan komunikasi umum.

OBJEKTIF UNIT MULTIMEDIA

- Meningkatkan kepakaran dari segi teknikal, perancangan dan pembangunan bidang multimedia
- memberi kemudahan dokumentasi dalam multimedia
- mengembang perkhidmatan multimedia
- membangun sumber rujukan secara bersepada
- memajukan bidang multimedia di UniMAP
- mengembang dan menumpukan kepada pengurusan multimedia
- menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan pelajar dan staf, mencari idea baru dan peluang dalam bidang multimedia
- sebagai platform bagi pelajar serta staf untuk bertukar-tukar idea dan pendapat berkaitan dengan bidang multimedia
- melaksanakan kaedah dan kesan aplikasi bidang multimedia secara global.